

Headline	Saham George Kent naik 21 sen		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	22 Mar 2017	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	80 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 262
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 785



Saham George Kent naik 21 sen

KUALA LUMPUR: Saham George Kent (M) Bhd naik 21 sen pada sesi awal dagangan hari ini setelah mengumumkan prestasi yang lebih baik daripada jangkaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Jan, 2017.

HLIB Research menaikkan unjuran pendapatan tahun kewangan syarikat itu bagi tahun kewangan 2018 dan 2019, masing-masing sebanyak 18 peratus dan 27 peratus berikutan keputusan yang kukuh itu.

“Peningkatan unjuran ini berdasarkan kepada pengiktirafan berterusan kerja-kerja variasi lanjutan transit aliran ringan,” katanya dalam nota penyelidikannya hari ini.

Firma penyelidikan itu mengekalkan saranan ‘beli’ terhadap saham George Kent dengan harga sasaran dinaikkan kepada RM4.73 daripada RM3.77.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam, George Kent mengumumkan

keuntungan sebelum cukainya melonjak 90 peratus kepada RM134.24 juta bagi tahun kewangan 2017 daripada RM70.7 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya.

Perolehan George Kent naik 12 peratus kepada RM598.97 juta daripada RM536.21 juta sebelumnya, katanya dan menambah bahagian kejuruteraan, menjadi pemacu pertumbuhan utama bagi tahun kewangan 2017.- Bernama